

Seminar Gaharu

Rabu, 13 Februari 2013 16:18



- MALAY VERSION ONLY -

UCAPAN ALUAN OLEH
PROF. MADYA DR JALALUDDIN HARUN
KETUA PENGARAH,
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
SEMPENA "SEMINAR GAHARU"
PADA 19 MEI 2009 (SELASA); JAM 9.10 PAGI
DI DEWAN PERSIDANGAN MTIB

Yang dihormati saudara/saudari pengacara majlis,

Yang Berusaha Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah bahagian, Timbalan-timbalan Pengarah,

Pembentang-pembentang kertas kerja,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan selamat pagi,

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kami merancang dan menganjurkan seminar "Gaharu " pada hari ini. Saya berasa sangat berbesar hati dan mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke seminar ini.

2. Saya amat berbangga kerana pada tahun ini merupakan kali pertama seminar ini diadakan dengan kerjasama Syarikat Jasben Plantation. Ianya bertujuan untuk memberi penerangan yang jelas mengenai penanaman, pengkomersilan dan mengenalpasti potensi gaharu untuk menembusi pasaran antarabangsa. Seminar ini juga dapat dijadikan satu platform khusus bagi membolehkan komuniti kayu kayan memperoleh maklumat berkaitan isu dan cabaran yang harus ditangani oleh pengusaha-pengusaha gaharu tempatan. Hadirin yang saya hormati,

3. Kajian JPMS mendapati bahawa terdapat sebanyak 3,553,466 pokok Karas tumbuh di hutan Semenanjung Malaysia di mana negeri Kelantan paling banyak dijumpai pokok karas iaitu 1,907,923 pokok, Pahang 955,673 pokok, Perak 365,015 pokok, Terengganu 151,041 pokok, Kedah 110,046 pokok, Johor 40,915 pokok, Negeri Sembilan 13,186 pokok, P.Pinang 5,045 pokok dan Melaka 4,625 pokok. Pokok-pokok karas yang berdiameter 30 cm dan ke atas adalah merupakan pokok-pokok yang dijangkakan boleh mengeluarkan gaharu. ¹

4. Berdasarkan kepada kajian oleh Dawend (2005) hanya 10% pokok Karas di dalam hutan asli diserang fungus dan akan menghasilkan gaharu. Ini bermakna hutan-hutan di Semenanjung Malaysia mempunyai stok pokok yang dijangka boleh menghasilkan gaharu sebanyak 72,672 pokok. Perkembangan penubuhan ladang Karas di Malaysia adalah amat menggalakkan sama ada dari agensi kerajaan mahupun swasta. Pada masa sekarang sejumlah 233 hektar ladang karas telah ditubuhkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan ini tidak termasuk oleh pihak swasta. Adalah dijangkakan industri gaharu di Malaysia tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada sumber hutan asli dalam jangkamasa 6 hingga 7 tahun akan datang kerana hasil dari ladang swasta dan agensi kerajaan dapat menampung keperluan bahan mentah yang diperlukan oleh industri gaharu.²

¹ Sumber: Kertas seminar "Persidangan Gaharu Kebangsaan 2007" yang diadakan di Hotel Best Western Premier Seri Pacific, Kuala Lumpur pada 11 September 2007, bertajuk: Penemuan Awal inventori Pokok Karas

Di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Inventori Hutan Nasional Ke Empat oleh Masran Md. Salleh, Yap Yee Hwai dan Ku Azmi Ku Aman JPSM.)

² Sumber: Kertas seminar "Persidangan Gaharu Kebangsaan 2007" yang diadakan di Hotel Best Western Premier Seri Pacific, Kuala Lumpur pada 11 September 2007, bertajuk: Penemuan Awal inventori Pokok Karas Di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Inventori Hutan Nasional Ke Empat oleh Masran Md. Salleh, Yap Yee Hwai dan Ku Azmi Ku Aman JPSM.) & bertajuk: Pengawalan Dan Pemantauan Pengeluaran Gaharu di Semenanjung Malaysia oleh Haji Paiz Kamaruzaman, Muhammad Ezhar Yusof@Antik, Zahari Ibrahim dan Dr. Mohd Yunus Zakaria JPSM.

Hadirin yang saya hormati,

5. Perdagangan gaharu adalah suatu komoditi yang amat lumayan. Permintaan sentiasa meningkat dari negara-negara pengguna namun pengusaha-pengusaha gaharu tempatan masih memerlukan bantuan maklumat serta kepakaran untuk mendorong mereka terus berdaya saing di dalam industri ini. Malaysia dan Indonesia adalah pengeluar utama gaharu dan minyak gaharu di dunia dari sumber hutan asli manakala Kemboja, Vietnam, Laos, Thailand dan India adalah merupakan pengeluar gaharu dunia dari sumber yang ditanam/ladang. Singapura adalah merupakan hub perdagangan gaharu utama di dunia. Negara pembeli utama gaharu Malaysia ialah Singapura, Taiwan, UAE, Vietnam, Saudi Arabia, India, Thailand, Pakistan, Laos, Kuwait, Bahrin, Kemboja, Qatar. Eksport Gaharu Malaysia dari tahun 2002 hingga 2008 adalah sebanyak 1,379,382 kg dalam bentuk chips & block dianggarkan bernilai USD137,938,200 (RM482,783,700); 161,485 kg habuk/hampas gaharu bernilai USD161,485 (RM565,198) dan 829 liter minyak gaharu bernilai USD6,963,600 (RM24,372,600).³

³ Sumber : Statistik eksport gaharu oleh Unit pelesenan MTIB Kuala Lumpur.

Hadirin yang saya hormati,

6. Memandangkan nilai gaharu adalah tinggi di dalam pasaran, saya menyeru kepada pengusaha-pengusaha gaharu untuk menimba ilmu pengetahuan mengenai industri gaharu di Malaysia. Keadaan kelembapan ekonomi dunia ketika ini memberikan kesan yang ketara terhadap ekonomi negara ini, dan impaknya dapat dirasai dalam sektor-sektor yang menyumbang kepada pendapatan negara, khususnya industri perkayuan. Berlatarkan situasi tersebut, topik-topik yang akan dibentangkan pada majlis ini adalah amat relevan dan seiring dengan kemajuan teknologi serta bidang penyelidikan yang amat kritikal dan diperlukan pada era ini untuk membezakan produk kayu kayan Malaysia dari keluaran negara-negara lain. Saya berharap semoga majlis ini dapat memberikan satu pengisian yang berguna kepada kita semua dan ianya mampu menyediakan landasan yang kukuh bagi memastikan kemajuan industri berasaskan kayu di Malaysia terus berkembang.

7. Kedua-dua sesi dalam taklimat ini nanti akan dibentangkan dengan topik yang pelbagai dan saya pasti setiap satu tajuk kertas kerja yang akan disampaikan dalam majlis ini nanti dapat memberikan manfaat kepada kita semua. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan menggunakan peluang ini untuk mengajukan sebarang pendapat, ulasan dan persoalan yang berkaitan dengan perkembangan industri perkayuan. Kemungkinan idea bernas yang dilontarkan dapat diaplikasikan dalam usaha kita untuk memperkasakan lagi industri perkayuan.

Tetamu yang saya muliakan,

8. Sebagai penutup bicara, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Syarikat Jasben Plantation serta pembentang-pembentang kertas kerja yang bertungkus lumus menjalankan kajian mereka. Juga tidak lupa kepada urusetia yang telah bekerjasama dalam menjayakan seminar ini. Saya amat berbesar hati dengan kerjasama yang telah diberikan

bagi merealisasikan majlis taklimat pada hari ini dan berharap jalinan kerjasama ini akan berterusan di masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah wassalammualaikum w.b.t

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA